

PELITA BRUNEI


AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 21 BILANGAN 22

RABU 2HB. JUN, 1976.

رابو 4 جمادى الاخير 1396

PERCHUMA



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika menerima tabek kehormatan, di-perbarisan menyambut Hari Ulang Tahun Ke-15 AMDB.

ASKAR MELAYU DI- RAJA BRUNEI SAMBUT HARI ULANG TAHUN KE-15

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Wadaullah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, telah berangkat menerima tabek kehormatan yang paling besar pernah di-adakan sempena Hari Ulang Tahun ke-15 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, di-Pentas Diraja, di-sini pada hari Isnin lepas.

KEMANGKATAN YTM PENGIRAN TEMANGGONG MEMERANJATKAN SELUROH NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temanggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Abd. Rahman Piut, seorang yang terkenal di-negeri ini telah mangkat di-Rumah Sakit Umum, di-sini pada hari Selasa minggu lalu.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berangkat menyaksikan Istiadat Permakaman yang penuh dengan penghormatan dan adat istiadat kebesaran. Juga turut hadir ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, Wazir2, Cheteria2 serta Pem-besar2 Negara.

Yang Teramat Mulia itu berusia 71 tahun dan pernah memegang jawatan Pengawal Talikom Brunei sa-lama 11 tahun sebelum bersara dalam tahun 1966. Pada keseluruhan-nya Al-Marhum telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah DYMM lebih 40 tahun, mula2 berkhidmat sa-bagai sa-orang Guru Sekolah Melayu.

Al-Marhum pernah memegang peranan yang aktif dalam lapangan sukan di-samping melibatkan diri dalam badan2 kebajikan dan amal.

Al-Marhum Selamat

Di-Makamkan

Di-Makam Di-Raja

Dengan Penoh

Adat Istiadat

Al-Marhum ia-lah salah sa-orang daripada ahli peng- asas Kelab Layar Diraja Brunei dan sa-laku Yang Dipertua Persatuan Tinju Brunei dan juga bergiat chergas dalam Persatuan Bekas Pegawai2 Kerajaan sa-bagai ketua-nya.

Di-samping menerima anugerah Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei, Al-Marhum juga telah menerima bintang MBE dari Kerajaan DYMM Paduka Seri Baginda Queen.

Al-Marhum telah meninggalkan 7 orang anak ia-itu 6 lelaki dan sa-orang perempuan. (Lihat muka 2 dan 12).

Upacara Perbarisan telah di-ikuti oleh upacara terbang lalu dan belayar lalu oleh chawangan udara dan ang-

katan laut pertama pasokan tersebut.

Lebih 700 orang parajurit dari Battalion Pertama dan Kedua Pasokan tersebut telah mengambil bahagian sambil memperlihatkan ber-bagai2 jenis senjata dan kelengkapan.

Sementara itu Perayaan2 ulang tahun Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah pun bermula pada petang Ahad lepas, apabila beribu2 orang berduyun2 ka-Khemah Berakas untok menyertai Pasar Ria dan Peraduan Keselamatan Jalan Raya.

Menurut sa-orang juruchakap AMDB bahawa hasil kutipan dari Pasar Ria itu nanti akan di-dermakan kepada pertubohan2 kebajikan seperti Tabong Anak2 Yatim Brunei.



Pelajaran Ugama Islam Terus berkembang — Pg. Indera Mahkota

PEKAN SERIA.—Pengajaran Ugama Islam di-Sekolah2 Ugama sa-chara bersistem, perkembangan Shi'ar Islam dengan pesat dan menjadikan Islam sa-bagai Ugama Rasmi negara, ada-lah hasil usaha serta kebijaksanaan pemimpin2 negara terdahulu terutama sekali ka-Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Sai-

fuddin Sa'adul Khairi Waddin, ketika Baginda menjadi Sultan dan Yang Dipertuan.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Wadaullah, juga tidak kendor2 mengambil berat perkembangan pelajaran Ugama Islam di-negeri ini bagi menyambong usaha2 Paduka

Ayahanda Baginda dengan mendirikan beberapa buah pusat pendidikan Ugama Islam di-seluruh negeri, menurut keutamaan serta keadaan di-tempat2 itu sendiri.

Ini telah di-sabdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin Ibnu Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara

Lihat muka 12

PELITA BRUNEI

2HB JUN, 1976

YANG BERJASA TETAP DI-KENANG

HARI SELASA, 26hb. Jamadil-Awal, 1396 bersamaan dengan 25hb. Mei, 1976, kira-kira pada awal petang hari itu, tersibar berita sedih ka-seluruh negara berthabit dengan kemangkatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong Sahibul Bahar, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Piut, orang yang di-sepanjang hidup-nya lebeh banyak melibatkan diri dan menumpukan minat yang besar dalam gerakan2 dan soal2 kebajikan negara dan kesejahteraan raayat. Yang Teramat Mulia itu mangkat dalam usia 71 tahun. Al-Marhum telah menyandang gelaran Wazir Ke-IV dalam tahun 1971. Tahun sa-belum-nya, Al-Marhum menyandang gelaran Cheteria IV ia-itu Yang Amat Mulia Pengiran Sahbandar Sahibul Bandar dan sa-belum itu Al-Marhum di-kenal dengan gelaran Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera atau di-sebut dengan ringkas yang hampir di-kenali di-seluruh negara dengan panggilan "PKI".

Ada-lah suatu kenyataan bahawa sebutan singkat itu atau sa-waktu Al-Marhum itu menyandang gelaran Cheteria XVI tersebut ada-lah zaman gemilang dalam mana Al-Marhum itu semakin di-kenali. Orang mengenali Al-Marhum itu dari banyak sudut. Al-Marhum memang terkenal dari sudut sikap dan pembawaan pendurong atau penggalak dalam memberikan sokongan2 terhadap badan2 kebajikan sama ada yang beruniform atau tidak seperti badan2 sokan. Malah di-bidang sokan ini dapat di-katakan bahawa hampir kesemua lapangan sokan ada-lah menjadi kegemaran-nya dan bola sepak ada-lah yang paling di-minati oleh Al-Marhum itu bukan saja Al-Marhum sendiri dapat di-gelar sebagai "Bintang Bola Sepak Pada Zaman-nya", tetapi juga peminat tetap lapangan itu hingga ka-akhiri hayat-nya dengan terus-menerus memberikan sumbangan yang tidak boleh di-ketepikan dalam kemajuan bola-sepak di-Brunei pada hari ini. Di-gelangan tinju di-negeri ini, Al-Marhum dapat di-anggap sa-bagai indong kepada lapangan itu atas sumbangan-nya yang amat berharga dalam memajukan tinju di-negeri ini.

Dalam achara sokan antara pembesar2 negara sa-tiap tahun sempena sambutan perayaan Hari Keputeraan DYMM, Al-Marhum juga tidak ketinggalan mewakili pasokan Wazir2 dan Cheteria2. Tidak dapat di-nafikkan bahawa pada tahun ini, pasokan itu akan merasa kehilangan sa-orang ahli sa-permainan yang tidak dapat di-lupakan.

Al-Marhum memang terkenal dengan sikap-nya yang mudah mesra yang sentiasa menguntum senyum dengan wajah yang lembut bila di-temui. Sifat Al-Marhum semula jadi itu telah menempatkan diri-nya di-mata masyarakat Brunei dari dulu sampai sekarang sa-bagai sa-orang yang sentiasa di-sanjong dan di-hormati. Al-Marhum juga terkenal dengan sifat-nya yang pemurah dan mudah menyumbangkan amal jariah kepada yang memerlukan-nya.

Sa-bagai sa-orang Islam yang turut merasa bertanggung-jawab, Al-Marhum juga menyumbangkan jasa dalam meninggikan sh'ar Islam. Al-Marhum sungguh berminat di-bidang pembacaan Al-Qur'an sejak lama lagi dan sering mengikuti peraduan2 membacha Kitab Suchi itu. Pada sa-tiap bulan Puasa, Al-Marhum juga mengadakan majlis bertadarus di-rumah-nya. Munqin sa-bagai satu penghargaan kepada Al-Marhum itu, Majlis Ugama Islam pernah menjun-jong Al-Marhum untuk menyampaikan chendra mata di-majlis pengislaman Yang Dimuliakan Pehin Datu Tabib Laila Lutanan Diraja, Dato Seri Paduka Dr. Awang Idris bin Abdullah (Dr. Hearts) ia-itu Pakar Perubatan Brunei.

Di-antara tempat merujuk bagi melengkapkan sejarah negara kita pada sa-belum dan sa-sudah perang dunia ke-2, selagi hayat-nya, Al-Marhum terchatet dalam buku peringatan penyelidik sa-bagai sa-orang yang patut di-hubongi untuk mengesan peristiwa2 yang terdapat di-Brunei.

Untuk tujuan ini, Al-Marhum pernah memberikan sumbangan dengan membentangkan beberapa peristiwa yang dapat di-ingat-nya, khas-nya mengenai Kampong Ayer dan juga pemerintahan waktu itu.

Dalam perkembangan perkhidmatan Talikom Brunei, Al-Marhum memang tidak dapat di-lupakan dan dapat di-katakan bahawa Al-Marhum ada-lah perintis kepada perkembangan Talikom pada hari ini.

Al-Marhum telah sempurna di-makamkan di-Makam Diraja dan segala jasa bakti-nya kepada masyarakat dan negeri tumpah darah-nya, yang telah di-churahkan di-sepanjang hayat-nya, akan tetap menjadi kenangan.

Dari Allah kita datang dan kepada-Nya juga kita kembali.

PENDUDOK SERIA MELAWAT RTB DAN DEWAN BAHASA



MENGADAKAN lawatan ka-Jabatan2 Kerajaan atau ka-tempat2 projek perkembangan dan pembangunan baik yang telah, sedang dan yang di-usahakan oleh pehak Kerajaan atau Sharikat2 Perusahaan di-negeri ini, amat menarek perhatian serta menggalakkan. Lawatan seumpama ini sesuai di-lakukan selalu oleh Badan2 Kebajikan, pehak2 berkenaan dikampong atau di-mukim2 di-seluruh negeri.

Gambar atas memperlihatkan ka-s rombongan pendudok dari Seria, telah mengadakan lawatan sambil memerhati akan kegiatan2 di-Jabatan Radio & Talivishen dan Dewan Bahasa & Pustaka Brunei, Bandar Seri Begawan, yang di-ketuai oleh Yang Berhormat Syed Haji Mashhor bin Malai Hj. Abd. Hamid (bersongkok dan berbaju luar di-tengah2). Di-sebelah kanan beliau ia-lah Penghulu Mukin Sungai Liang/Lumut, Awang Abdul Wahid bin Hj. Abd. Wahab manakala di-sebelah kiri beliau sa-orang ahli perniagaan di-Seria, Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdul Ghani.

Perayaan Puja Usia Ke-30 DYMM

TUTONG—Satu ranchangan sa-penoh-nya telah di-rangka bagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, yang ke-30 bagi Daerah Tutong, akan bermula pada 17hb. Julai, akan datang.

Antara achara kemunchak perayaan tersebut ia-lah lumba perahu, perarakan tanglong berjalan kaki, lumba kerbau, peraduan sulam menyulam dan masak2an.

PENERANGAN KETUA POS AGONG

MERUJOK kepada satu laporan di-Borneo Bulletin ke-luaran 8hb. Mei, 1976 yang bertajuk "Kelewatan Penghantaran Surat" yang menyatakan bahawa surat2 yang di-kirim dari Brunei ka-Sibu dan Binatang selalu-nya lambat sampai atau terus hilang sama sekali.

Ada-lah perkara benar bahawa kadangkala terdapat surat yang tersalah kirim kepada tempat2 lain yang menyebabkan akan mengambil masa beberapa hari daripada waktu2 selalu-nya untuk sampai kepada tempat2 yang tertentu. Akan tetapi perkara seperti ini hanya berlaku kadangkala sahaja.

Oleh kerana beribu2 surat di-kendalikan pengirimannya pada sa-tiap hari kepada semua tempat, maka tidak hairanlah kadangkala terdapat salah pemilehan. Perlu di-nyatakan bahawa tempat2 peti pengirim surat di-Brunei di-kosongkan pada sa-tiap hari dan semua surat2 udara di-kirimkan pada hari yang sama atau hari berikut-nya.

Berikutan dengan pembatalan pada sa-tengah2 penerbangan MAS di-kawasan Borneo, Jabatan Perkhidmatn Pos Brunei mendapati agak sukar untuk menjamin kelancaran pengirim sa-chara terus menerus di-antara Sibu dan Brunei seperti mana yang biasa di-lakukan pada masa2 yang lalu dalam mana surat2 untuk ka-Binatang di-kumpulan bersama2 dengan surat2 ka-Sibu. Akan tetapi, pada masa ini semua surat2 udara yang di-alamatkan ka-Sibu dan daerah yang berdekatan di-hantar terus ka-GPO Kuching untuk di-bahagi2kan ka-Sibu dan daerah2 yang berdekatan.

Kesemua-nya sa-banyak lima pengirim bungkusan mail di-lakukan dalam sa-minggu kepada GPO Kuching ia-itu pada hari Isnin, Selasa, Rabu, Jumaat dan Ahad. Dengan lain2 perkataan bahawa surat2 udara dari Brunei/Sibu di-hantar pada tiap2 hari kechuali pada hari Khamis dan Sabtu.

Dengan penerangan di-atas di-harapkan akan dapat menyedari bagaimana usaha2 telah pun di-lakukan untuk memastikan kechepatan penghantaran surat2 dari Negeri Brunei ka-seberang laut termasuk kawasan Borneo.

Pengiran Jaludin P.L.
Pemangku Ketua Pos Agong,
Brunei.

JIKA BERJUMPA BAHAN2 LETUPAN!

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pihak berkuasa Polis telah menasehatkan kepada orang ramai supaya melapokan dengan se-berapa segera apabila menemui bahan2 letupan yang merbahaya, berikutan dengan terjumpa-nya sa-butir peluru meriam, berdekatan dengan Ang Hotel.

Peluru tersebut telah di-temui oleh sa-orang pekerja bandaran

ketika membersekkkan kebun bunga di-kawasan tersebut.

Ada-lah di-perchayai bahawa peluru tersebut telah di-gugurkan oleh Pasokan Bersekutu sa-masa berlaku-nya perang dunia kedua.

Pihak Polis telah mengambil tindakan segera dengan memanggil pakar bom dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei untuk memusnahkan bom tersebut.

31 haribulan Mei tiap2 tahun ia-lah hari ulang tahun Askar Melayu Diraja Brunei, ia-itu sa-buah pasukan bersenjata yang senantiasa menjalankan tugas-nya demi memelihara keselamatan dan ketenteraman negeri kita sa-bagai mana juga dengan pasukan Pulis Diraja Brunei.

Kita ada-lah merasa bangga dengan pasukan Askar Melayu Diraja Brunei itu, kerana sejak penubohan-nya hingga sekarang, pasukan tersebut telah berkembang menjadi suatu angkatan bersenjata yang kemas yang tidak kurang taraf-nya dengan lain2 angkatan bersenjata di lain2 negeri.

Dari segi pandangan Islam, maka penubohan sa-sebuah angkatan bersenjata ada-lah mustahak untuk tujuan2 pertahanan dengan mengekalkan perdamaian. Oleh yang demikian para-jurit2 tanah ayer sa-sunggohnya ada-lah ibarat barisan hadapan dalam kehidupan rayaat dan penduduk Negeri Brunei ini.

Parajurit2 itu di-samping berbakti kepada negara dan bangsa boleh pula di-anggap sa-bagai pejuang2 pada jalan Allah. Bagi tujuan ini ada-lah mustahak kepada parajurit2 itu menyematkan di-dalam hati-nya suatu tabi'at bahawa mereka ada-lah berkhidmat kerana menunaikan kehendak Islam dan di-samping itu perkhidmatan tersebut jika di-ikuti pula oleh pekerjaan yang ikhlas dan tidak menyalahi ajaran2 Allah neschaya sa-tiap parajurit akan beroleh balasan daripada Allah.

Di-dalam Suratul Ali Embran ayat 169 Allah berfirman yang maksud-nya:

"Jangan-lah engkau menyangka bahawa orang2 yang berkorban pada jalan Allah itu mati, bahkan mereka ada-lah hidup di-sisi Allah dan mereka itu mendapati rezeki".

Ayat ini mencheritakan akan keadaan para shuhada' atau pejuang2 yang terkor-

PARAJURIT BERKHIDMAT KERANA MENUNAIKAN KEHENDAK ISLAM

ban kerana mempertahankan agama Allah. Sa-bahagian daripada chara mempertahankan agama Allah itu ia-lah dengan jalan mempertahankan tanah ayer daripada anchaman musuh, kerana kebebasan menjalankan kehendak2 agama Allah lambat laun akan hilang bagi sa-buah negara Islam yang jatuh ka-dalam huru hara yang berterusan yang di-timbulkan oleh anasir2 jahat atau musuh yang hendak menghalang perkembangan agama itu.

Parajurit2 yang berkhidmat dengan niat kerana Allah di-sertai pula oleh keikhlasan dalam pekerjaan dan di-tambah pula oleh ketekunan pada menta'ati suruhan2 Allah dan menjauhi larangan-nya tidak-lah mustahil akan mencapai darjat yang di-sebutkan dalam ayat itu tadi.

Oleh yang demikian berkhidmat sa-bagai askar atau apa jua pasukan keselamatan saperti Pulis misal-nya, adalah suatu tugas yang mulia di-sisi agama, dan patut-lah menarek minat anak bangsa kita khas-nya kaum belia yang sedang mengunjar pekerjaan.

Kita telah menyebut bahawa salah satu chara mempertahankan agama ia-lah dengan jalan mempertahankan tanah ayer. Sa-benar-nya chara ini bukan saja patut di-anggap sa-bagai tanggung-jawab pasukan keselamatan, bahkan sa-tiap orang Islam dengan tidak mengira

"Mempertahankan tanah ayer ada-lah mempertahankan agama Allah"

pekerjaan sa-hari2 patut juga mempunyai perhatian yang sama, kerana halangan2 terhadap agama Allah itu sa-benar-nya akan terus ujud dalam berbagai2 bentuk sa-lagi dunia ini terdapat dua golongan manusia ia-itu golongan yang patoh kepada Allah dan satu lagi ia-lah golongan yang tergodas oleh

shaitan.

Menurut ulama tafsir puncha pertama keruntuhan sa-sebuah negara ia-lah apabila kejahatan dan maksiat berleluasa dengan tiada tegahan, maksiat yang berkembang biak boleh menghilangkan rasa malu dan harga diri sa-suatu bangsa, dan bangsa yang kehilangan rasa

malu dan kehebatan-nya tidak-lah dapat ia mengharap-kan apa2 melainkan kehancoran, maka bagi satu umat yang purak puranda kehidupan-nya akan suram-lah shi'ar agama. Puncha2 kebinasaan ini-lah yang patut sama2 di-elakkan oleh semua umat Islam.



Gambar atas menunjukkan Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Haji Ismail ketika meng-Islamkan Awang Janang anak Ubang dan keluarga-nya.

13 Orang Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis peng-Islaman bagi sa-ramai 10 orang dari Puak Iban telah di-adakan pada malam 21hb Mei, 1976 bertempat di-rumah Awang Haji Mahmud bin Mohd. Salleh, Kampong Sungai Besar, Brunei.

Peng-Islaman itu telah dilaksanakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Haji Ismail bin Metsarudin.

Mereka yang di-Islamkan itu ia-lah Bujang anak Nglingkong yang sekarang dikenali nama Islam-nya sa-

bagai Awang Abu Bakar bin Abdullah, Enting anak Bujang sa-bagai Awang Osman bin Abu Bakar, Ajat anak Bujang sa-bagai Awang Sumsun bin Abu Bakar, Sindu anak Awang sa-bagai Dayang Siti Aisah binte Abdullah, Minah anak Wat sa-bagai Siti Aminah binte Abdullah, Miramet anak Enting sa-bagai Ahmad bin Osman, Suleis anak Enting sa-bagai Afendy bin Osman, Mather anak Enting sa-bagai Rosli bin Osman, Kelambu anak Utu sa-bagai Mohammad Ali bin Abdullah, Ujat anak Akau sa-bagai Md. Roslan

bin Abdullah.

Sementara itu pada 19hb. Mei, 1976 satu keluarga dari puak yang sama telah memelok ugama Islam bertempat di-Pejabat Hal Ehwah Ugama Bandar Seri Begawan.

Peng-Islaman tersebut telah juga di-laksanakan oleh Yang Dimuliakan oleh Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Haji Ismail.

Awang Janang anak Ubang telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Awang Mohd. Zain bin Abdullah, sementara isteri beliau Met anak Jaring telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Dayang Siti Aisah binte Abdullah dan anak mereka Dy. Seriwati anak Janang sekarang dikenali sa-bagai Dy. Seriwati bte Mohd. Zain.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2hb Jun, 1976 hingga ka-hari Selasa 8hb Jun, 1976 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari | Matahari | | | | | | | |
|---------|----------|--------|------|--------|------|-------|-------|--------|
| | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Terbit |
| 2hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 | |
| 3hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 | |
| 4hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 | |
| 5hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 | |
| 6hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 | |
| 7hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 | |
| 8hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.36 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.06 | |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



BRUNEI FOR RE BIG

Bandar Seri Begawan was crowded on Monday as people flocked to the town to watch the biggest parade ever staged through the capital's streets.

The occasion was the Royal Brunei Malay Regiment's 15th anniversary and thousands of people saw the regimental band, soldiers and 40 military vehicles parade through the town centre.

His Highness the Sultan took the salute at a specially constructed stand in front of the Customs Offices on Jalan MacArthur.

After the parade the vessels of the First Flotilla staged a sail past on the Brunei River and there was a fly past by helicopters of the Air Wing.

For the first time the regiment's second battalion, formed exactly a year ago on the RBMR's 14th anniversary, took part in the parade, their first major appearance in public.

The day before hundreds of people had flocked to Berakas Camp, the regiment's headquarters to enjoy a fun fair organised by the soldiers.



PASANG SURUT PERKHIDMATAN TEKSI

OLEH: PEMERHATI



Seri Begawan dan sebaleknya.

Saperti kereta biasa, Teksi juga di-daftarkan terlebih dahulu ka-Jabatan Kenderaan Darat—keistemewaan-nya, ia-nya mempunyai satu Lisen Khas (Lisen Teksi) yang di-keluarkan oleh pehak berkenaan Lembaga Penguasa Melisen Kereta Sewa Brunei, yang beribu Pejabat di-Jabatan Kenderaan Darat, Jalan Gadong, Brunei.

Di-negeri yang telah dan sedang membangun, perkhid-

Teksi memainkan peranan dalam menyemarakkan imej negara

matan teksi ada-lah suatu perusahaan yang menggalakkan dan di-galakkan untuk kemudahan serta kesenangan orang ramai dalam urusan sa-hari2. Bagi para pelancong pula Teksi ada-lah mengambil peranan penting bagi memandu para pelancong ka-tempat yang di-tuju.

Bilangan peratus Teksi: Dari tahun empat puluhan (sa-lepas perang dunia kedua) hingga-lah kepada awal tahun enam puluhan, boleh di-katakan sa-banyak 65% Teksi2 di-negeri kita ini di-punyai oleh bangsa asing (bukan Melayu) yang tinggal di-negeri Brunei. Ada di-antara-nya orang yang mampu (taukeh) mempunyai hingga dua buah Lisen Teksi, di-samping Lisen Bas dan lain2 lisen perniagaan.

Mengapa-kah hal seumpama ini berlaku demikian? Jawab-nya, Wallauhu aklam bissawab!

Teksi2 yang di-maksudkan itu tadi ia-lah Teksi Daerah Brunei/Muara, Teksi Daerah Tutong dan Teksi Daerah

Belait. Tidak termasuk Teksi Daerah Temburong kerana waktu itu teksi belum ada di-Daerah tersebut.

Akhir2 ini baharu-lah di-keluarkan Teksi Daerah Temburong dan perjalanan Labi bagi Daerah Belait. Ini agak-nya ada-lah tertaklok kepada keadaan jalan raya atau lain2 sebab lagi, kerana waktu itu jalan raya belum sempurna di-Temburong dan keadaan di-Labi pun mungkin tidak mengizinkan.

Kalau kita tidak silap, tahun lima puluhan ada juga di-keluarkan lisen2 bagi Teksi Kampong (tetapi lisen Teksi Kampong, sejak tahun enam puluhan telah di-hapuskan).

Alhamdulillah, sejak pertengahan tahun enam puluhan hingga sekarang, bilangan Teksi, boleh di-katakan 90% daripadanya di-punyai oleh kaum bumiputera sendiri. Hal ini telah di-sadari sendiri oleh orang ramai.

Pemilek2 Teksi, khususnya dan orang ramai terutama kaum bumiputera, umum-nya, patut mengu-

chapkan tahniah dan angkat topi kepada pehak Lembaga Penguasa Melisen Kereta Sewa Brunei, yang berani dan tegas membuat peratoran dan dasar memberikan keutamaan kepada perusahaan bumiputera yang sanggup dan mampu mengusahakan-nya itu, dengan tidak mengenyepikan hak2 orang asing yang sudah menetap di-negeri ini.

Kita percaya, jika sekiranya dasar serupa ini dapat di-jalankan di-kebanyakan Jabatan2 Kerajaan dan Firma2 Perusahaan di-negeri ini, maka nilai2 untuk meninggikan taraf hidup bumiputera dalam bidang perusahaan, khusus-nya di-bidang ekonomi, Insha Allah, kita akan mencapai kepada matlamat yang di-hajati sabelum terlambat—sesuai dengan chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pada meninggikan taraf hidup raayat Baginda di-negeri ini, terutama kaum bumiputera yang lebeh jauh ketinggalan kebelakang di-negeri kita yang terchinta lagi makmor, Brunei Darussalam ini.

Pendapatan Pemandu Teksi di-Brunei. Menurut yang pernah di-cheritakan kepada kita, ia-itu, dari tahun empat puluhan (sa-lepas perang) hingga tahun ke-lima puluhan, pendapatan Pemandu Teksi tidak di-ragukan mempunyai pendapatan yang amat lumayan.

Kemudian pendapatan Pemandu Teksi pada tahun enam puluhan boleh di-katakan maseh lumayan juga.

Bagaimana pula pada tahun tujuh puluhan? Jawab-nya, maseh boleh, chukup makan

dan kalau chermat dan pandai serta rajin, boleh simpan sedikit untuk masa depan—shukur!

Kemudian kita mengalahkan pertanyaan pula kepada sa-orang pemandu Teksi yang lain tentang ada juga terdapat Teksi yang di-tarek balek oleh ejen-nya. Pemandu Teksi itu menganggok2kan kepala-nya yang menunjukkan perkara tersebut itu pernah berlaku. "Itu kerana kechuaian sendiri", jawab-nya.

"Kita patut-lah berterima kasih kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia, kerana memberikan kesempatan kepada kita kaum bumiputera berusaha menjalankan perusahaan Teksi sendiri ini. Choba kita lihat di-Singapura, Sabah dan Sarawak, berapa bilangan saja kaum bumiputera yang di-beri kesempatan mengusahakan perusahaan serupa ini", ujar pemandu teksi tersebut.

Berdasarkan keterangan pemandu teksi di-atas, kita mengalahkan pula pertanyaan yang menyebabkan berkurangnya pendapatan pemandu2 teksi di-waktu kebelakangan ini, jika di-bandingkan dengan tahun2 sabelum-nya.

Menurut pemandu teksi itu, ini ada-lah di-sebabkan; berkurangnya perusahaan atau selesai-nya projek2 raksasa yang telah di-usahakan oleh sharikat2 atau pemborong, kerana kepulangan orang2 luar negeri yang begitu ramai bekerja di-negeri ini dan kesan2 Teksi2 Haram.

Pemandu teksi itu memberi tahu tanpa di-minta

Lihat muka 7

121 ORANG DI-KORNIKAN PINGAT KEHORMATAN NEGERI BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negeri Brunei, telah memperkenankan pengorniaan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei, ia-itu Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I.) Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) dan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) kepada sa-ramai 121 orang di-negeri ini.

Upacara penyampaian Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei itu telah di-lakukan oleh Penasihat Umom Kebawah DYMM Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim, di-Dewan Perjamuan-Lapau, Dewan Mejlis, pada hari Khamis minggu lalu.

Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I.) telah di-korniakan kepada 71 orang. Menurut senarai ada-lah:—

Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee, DK, SPMB, DSNB, CBE, PHBS, PJK; Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Laila Utama Idris Talog Davies, DK, SPMB, DSNB, CBE, PHBS, AK (Kelantan), PJK (Trengganu), PJK; Y.B. Pehin Datu Permakawi Diraja Dato Seri Pahlawan G. E. Coster, PSPNB, DSNB, DSLJ, CBE, JMN, PHBS, KMP, CPM, PJK (Perak), PJK; Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud, PSPNB, DSNB, DSLJ, DPMB, PHBS; Y.D.M. Pehin Datu Dermajasa Dato Hamzah Pahlawan Haji Metali bin Osman, PSPNB, DPMB, SLJ, PHBS, CPM;

YM. PC. 85 Awang Rannie bin Ahmad PHBS, YM. PC. 440 Awang Baha bin Dagang PHBS, YM. Cpl. 9 Awang Lamat bin Samad PHBS, YM. Cpl. 107 Awang Jafaruddin bin Haji Ja'afar PHBS, YM. Cpl. 491 Awang Md. Ali bin Rajab PHBS, YM. Cpl. 612 Awang Yong Fook Cheng, YM. Cpl. 619 Awang Untong bin Haji Simpon PHBS, YM. Cpl. 140 Awang Lamat bin Husin PHBS, YM. Cpl. 552 Awang Abdullah bin Haji Ya'akub PHBS, YM. Cpl. 563 Awang Md. Daud bin Ja'afar PHBS, YM. Cpl. 593 Awang Osman bin Haji Abang Suhaili.

YM. PC. 76 Awang Mohd. Zaini bin Hj. Awang Damit PHBS, YM. PC. 188 Awang Abdul Ghani bin Tengah PHBS, YM. PC. 299 Awang Mahali bin Abdul Rahman, YM. PC. 443 Awang Mulok Anak Aji PHBS, YM. PC. 525 Awang Harith bin Abdullah PHBS, YM. PC. 589 Awang Zahree bin Chu-

chu PHBS, YM. PC. 688 Awang Razak bin Kampar, YM. PC. 678 Awang Ali Raman bin Matali, YM. PC. 693 Awang Abdul Rahman bin Bujang PHBS, YM. PC. 732 Awang Suhaimi bin Hamid PHBS, YM. PC. 727 Awang Hashim bin Maidin PHBS, YM. PC. 737 Awang Osmerna bin Abdullah PHBS.

YM. PC. 885 Awang Rashid bin Kassim, YM. PC. 913 Ak. Maslan bin Pengiran Manai, YM. PC. 931 Awang Raya bin Jambol, YM. PC. 537 Awang Ghani bin Awg Timbang, YM. PC. 1020 Awang Razak bin Muhammad, YM. PC. 1021 Awang Kampong bin Haji Ibrahim, YM. PC. 1023 Awang Tassim bin Bastam, YM. PC. 1057 Awang Lajim bin Munchong, YM. PC. 1080 Awang Suhaili bin Haji Ahmad, YM. PC. 120 Awang Abdullah bin Tengah, YM. PC. 397 Awangku Salat bin Pengiran Ibrahim.

YM. PC. 569 Awang Mohammad bin Hamid, PHBS, YM. PC. 576 Awang Tarip bin Rajab PHBS, YM. PC. 731 Awang Shabbuddin bin Md. Noor, YM. PC. 833 Awang Abdullah bin Salleh, YM. PC. 855 Awang Bakar bin Timbang, YM. PC. 1036 Awang Md. Idris bin Mahali, YM. PC. 101 Awang Gara Anak Simong PHBS, YM. PC. 104 Awangku Sabtu bin Pengiran Damit, YM. PC. 228 Awang Yusop bin Puteh, YM. PC. 330 Awang Bujang bin Haji Ahmad PHBS, YM. PC. 435 Awang Bassinih bin Sapik PHBS.

YM. PC. 429 Awang Abdul Jami bin Haji Hassan, YM. PC. 471 Awang Ahmad bin Md. Noor PHBS, YM. PC. 518 Awang Maslee bin Enja PHBS, YM. PC. 543 Awang Hussin bin Ajak PHBS, YM. PC. 645 Awang Ahmad Daud bin Md. Idris, YM. PC. 659 Awang Razali bin Sabli PHBS, YM. PC. 691 Awang Ibrahim bin Haji Yassin PHBS, YM. PC. 696



Gambar atas menunjukkan Penasihat Umom Kebawah DYMM Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kelihatan sedang menyampaikan pingat kepada Y. B. Pehin Datu Permakawi Diraja Dato Seri Pahlawan G. E. Coster.

Awang Kasah bin Ahad, YM. PC. 700 Awang Adi bin Duraman PHBS, YM. PC. 713 Awang Abdul Rahman bin Serudin, YM. PC. 789 Awang Nordin bin Metussin.

YM. PC. 888 Awang Adnan bin Badarudin, YM. PC. 895 Awang Asih bin Gadong, YM. PC. 938 Awang Damit bin Ampuan Sarifuddin, YM. PC. 985 Awang Besar bin Mahali, YM. PC. 989 Awang Latif bin Momin, YM. PC. 1007 Awang Ismail bin Tengnah, YM. PC. 1040 Awang Yahya bin Halim, YM. PC. 1082 Awang Abu Bakar bin Haji Hassar, YM. PC. 1130 Awang Gadong bin Yassin, YM. WO II Pengiran Ahmad bin Pengiran Besar PJK.

Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) telah di-korniakan kepada 21 orang. Menurut senarai ada-lah:—

YM. Datin Paduka (Dr.) C. M. Lamplugh DPMB, SLJ, YAM. Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail, SNB, SLJ; YM. Pengiran Anak Hassan bin Pengiran Anak Sabtu Kemaluddin SNB, PHBS; YDM. Pehin Datu Harimau Padang Major Dato Seri Laila Jasa Hussin bin Ahmad, DSLJ, PANB, PHBS; YDM. Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin DK, DPMB, PSB, POAS, PHBS; YDM. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri DPMB, SLJ; YDM. Pehin Datu Indera Negara Lt. Col. Mohd. Ariffin bin Haji Abdul Wahab, SLJ, PHBS; YB. Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haii Ali bin Ismail, SMB; YDM. Pehin Datu Paduka Raia Captain Dato Seri Laila Iasa Shari bin Ahmad, DSLJ, SNB, SMB.

YM. Cpl. 591 Hassan bin Md. Yusof PHBS, YM. Cpl.

131 Pengiran Md. Yassin bin Pengiran Haji Md. Said, PHBS, PIKB, YM. Cpl. 483 Serudin bin Hussain PHBS, YM. Cpl. 609 Ahmad bin Metassan PHBS, YM. PC. 482 Basri bin Abd. Hamid, PHBS, YM. PC. 816 Muhammad bin Ahmad PHBS, YM. PC. 812 Manap bin Tahir PHBS, YM. PC. 164 Ismail bin Rabaha PHBS, YM. PC. 74 Aji bin Nasir, PHBS, YM. PC. 909 Azahari bin Abd. Hamid PHBS, YM. PC. 558 Abd. Hamid bin Abdullah PHBS, YM. PC. 449 Abidin bin Abd. Rashid PHBS.

Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B.) telah di-korniakan kepada 29 orang. Menurut senarai ada-lah:—

YM. Dato Setia (Dr.) I.G. Singh, DSNB, DPMB, YM. Awang Jaafar bin Mohd Yassin, YM. Pengiran Sulaiman bin Pengiran Laila Raja Pengiran Haji Buntar, YM. Awang Ismail bin Boto, YM. Cpl. Ismail bin Rajab,

YM. Cpl. Awang Moxsin bin Tabam, YM. Cpl. Abdul Rahman bin Abang, YM. C/Sgt Hamban bin Omar, YM. S/Sgt Taweh bin Mohd Salleh, YM. Sgt. Ahmad bin Haji Rajab.

YM. Sgt. Asar bin Barudin, YM. Sgt. Hamidon bin Ahmad, YM. Sgt. Hussein bin Serudin, YM. Sgt. Ismail bin Ibrahim, YM. Sgt. Jamaluddin bin Abdullah, YM. Sgt. Jamil bin Ahmad, YM. Sgt. Mohd Said bin Ahmad, YM. Sgt. Sidek bin Omar, YM. Sgt. Zakaria bin Haji Metali.

YM. Cpl. Abdullah bin Mohammad, YM. Cpl. Wasli bin Ismail, YM. Cpl. Yamin bin Metussin, YM. L/Cpl. Othman bin Tunggal, YM. L/Cpl. Shamsuddin bin Mahmud, YM. L/Cpl. Tudin bin Paya, YM. Saldadu Rahman bin Husin, YM. Dayang Hamisah binte Kadis, YM. Dayang Hayati binte Nordi, YM. Dayang Hazelina binte Abdullah.



Di-sini kelihatan Yang Teramat Berhormat sedang menyampaikan pingat kepada Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud.

JADUAL KEMPEN SUNTEKAN KOLERA

SA-ROMBONGAN penyuntik dari Jabatan Kesihatan, akan berkhujong ka-kampung2 pada tarikh2 yang di-tetapkan untuk menjalankan kerja memberi suntikan ubat kolera kepada penduduk2 di-kampung yang berikut:

KAMPONG2 DAERAH BRUNEI

2hb Jun, 1976 — Sg. Hanching, Salam Bigar, di-Rumah Ketua Kampong Sg. Hanching; Kg. Perpindahan A dan B, di-Kelirik Kg. Perpindahan; Kg. Burong Pinggai dan Tanah Jambu di-Rumah Ketua Kampong.

3hb Jun — Kapok, Pekan Muara, Serasa dan Sabun di-Kelirik Serasa; Mentiri dan Sungai Besar di-Rumah Ketua Kampong; Pelembayan dan Kota Batu di-Rumah Ketua Kg. Pelembayan.

5hb Jun — Dato Gandhi, Pintu Malim, Serdang dan Sg. Matan, di-Rumah Ketua Kampong.

7hb Jun — Belimbing dan Subok di-Rumah Ketua Kampong; Rimba, Tungku dan Mata-Mata di-Rumah Ketua Kampong.

8hb Jun — Tg. Nangka, Lugu, Katimahar dan Kulapis di-Rumah Ketua Kampong.

9hb Jun — Bunut Perpindahan dan Tanjung Bunot di-Rumah Ketua Kampong; Tasek Meradun, Telanai dan Medewa di-Kelirik Sg. Bunut; Peninjau.

10hb Jun — Angor di-Angor; Bukit Bunga di-Rumah Awg. Badar bin Sisa; Benkurong, Burong Lapas dan Sinarrubai di-Rumah Ketua Kampong Bengkurong; Beribi di-Beribi.

14hb Jun — Santul dan Kilanas di-Rumah Penghulu Mukim Kilanas; Kiulap di-Kiulap; Kiarong di-Kiarong; Sengkurong A dan B di-Rumah Ketua Kg. Sengkurong.

10hb Jun — Mulaut di-Mulaut; Limau Manis, Kuala Lurah dan Batang Perhentian di-Rumah Ketua Kampong Limau Manis; Panchor Murai, Imang, Batu Ampar dan Pk. Batu di-Balai Raya Kg. Pk. Batu; Masin, Bebatek dan Batong di-Balai Raya Kg. Masin.

16hb Jun — Wasan, Junjongan, Pandai Besi A dan Pandai Besi B di-Rumah Ketua Kampong.

17hb Jun — Pekilong Muara, Kuala Peminyak, Ujong Tanjung dan Saba Ujong di-Rumah Ketua Kampong.

19hb Jun — Saba Darat A, Saba Darat B, Saba Tengah dan Saba Laut di-Rumah Ketua Kampong.

21hb Jun — Sg. Pandan A dan Sg. Pandan B, Pg. Setia Negara, Lorong Dalam, Sg. Kebun di-Rumah Ketua Kampong Sg. Pandan B.

22hb Jun — Lorong Sekuna, Setia Pahlawan, Peramu dan Pg. Si-Raja Muda A di-Rumah Ketua Kampong.

23hb Jun — Pg. Si-Raja Muda B, Pekan Lama, Tamoi Ujong dan Tamoi Tengah di-Rumah Ketua Kampong.

24hb Jun — Ujong Bukit, Limbongan, Bukit Salat, Pg. Bendahara Lama dan Pg. Kerma Indra Lama di-Rumah Ketua Kampong.

26hb Jun — Sultan Lama, Pg. Pemancha Lama, Setia (Rangau Baru) dan Sg. Kedayan A di-Rumah Ketua Kampong.

28hb Jun — Sg. Kedayan B, Burong Pinggai Ayer dan Batu Marang di-Rumah Ketua Kampong.

29hb Jun — Pulau Baru2 dan Pulau Berbunut di-Rumah Ketua Kampong.

30hb Jun — Pulau Menonggol dan Kasat di-Rumah Ketua Kampong.

1hb Julai, 1976 — Putat di-Rumah Ketua Kampong; Lumapas, Buang Tekurok dan Lupak Luas di-Rumah Ketua Kampong Lumapas.

6hb Julai — Puduk di-Rumah Ketua Kampong Puduk; Kg. Ujong Kelirik di-Rumah Ketua Kampong Ujong Kelirik.

SEKOLAH2 DAERAH BRUNEI

2hb Jun — Sekolah Melayu Angrek Desa dan Angrek Desa Anex.

3hb hingga 5hb Jun — Sekolah Melayu Amar Pahlawan dan Pahlawan Anex.

7hb Jun — S.M. Tanah Jambu.

8hb Jun — S.M. Delima I.

9hb hingga 10hb Jun — S.M. Sungai Hanching dan Sg. Hanching Anex.

14hb Jun — S.M. Serasa.

15hb hingga 17hb Jun — S.M. SUAS dan SUAS Anex.

19hb Jun — Sekolah Pertukangan Jalan Muara.

21hb hingga 22hb Jun — S.M. Lambak dan Lambak Anex.

23hb Jun — Berakas English School.

24hb hingga 26hb Jun — Maktab Melayu Seri Begawan.

28hb hingga 29hb Jun — Maktab Perguruan, Gadong.

28hb Jun — S.M. Batu Marang.

29hb Jun — S.M. Baru-Baru dan S.M. Berbunut.

30hb Jun — S.M. Beribi dan S.M. Kiulap.

1hb Jun — S.M. Menonggol dan S.M. Kasat.

3hb Julai — S.M. Kiarong, S.M. Putat dan S.M. Lumapas.

5hb Julai — S.M. Pintu Malim dan S.M. Dato Gandhi dan Dato Gandhi Anex.

6hb Julai — S.M. Subok dan S.M. Puduk.

7hb Julai — S.M. Sungai Besar, S.M. Bendahara Sakam, Bunot dan S.M. Menengah Melayu, Bunot.

8hb Julai — S.M. Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas dan Anex, S.M. Bengkurong dan S.M. Sengkurong dan Sengkurong Anex.

10hb Julai — S.M. Mulaut, S.M. Katimahar, S.M. Jerudong dan S.M. Sultan Lama.

12hb Julai — S.M. Masin, S.M. Panchor Murai dan S.M. Pk. Batu dan Pk. Batu Anex.

15hb Julai — S.M. Limau Manis dan SOAS (Senior Secondary).

14hb Julai — SOAS (Junior Secondary).

17hb Julai — S.M. Raja Isteri Fatimah dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

19hb Julai — S.M.J.A.

20hb Julai — S.M. Pular Ulak.

21hb Julai — Chung Hwa School.

22hb Julai — St. Georges'.

24hb Julai — St. Andrews'.

26hb Julai — S.M. Sungai Kebun.

27hb Julai — S.M. Burong Pinggai Ayer dan S.M. Lela Menganai.

28hb Julai — S.M. Setia.

29hb Julai — S.M. Tamoi Ujong.

19hb hingga 22hb Julai — S.M.A.R.I.A.D. dan S.M.A.H. Bolkiah.

24hb hingga 28hb Julai — Maktab Perguruan Ugama.

3hb Ogos — S.M. Junjongan dan S.M. Mentiri.

DAERAH BELAIT

2hb Jun, 1976 — Balai Raya Mukim Melilas untuk menyuntik penduduk kawasan Kampong Melilas, Kampong Bangerang dan Semawa.

3hb Jun — Rumah Panjang Tempenak dan Rumah Panjang Sembawang.

4hb Jun — Balai Raya Mukim Sukang untuk menyuntik penduduk kampong2 Sukang, Dungan, Biadong Baru, Biadong Tengah dan Biadong Ulu.

5hb Jun — Rumah Panjang Saud, Kedai Awang Hamdi bin Kilat untuk menyuntik penduduk2 Kampong Kuala Kukup dan

Rumah Panjang Buau.

6hb Jun — Rumah Panjang Apak-Apak, Rumah Panjang Baran dan Kedai Sharikat Pangkalan Siong untuk menyuntik Kampong Pangkalan Siong.

7hb Jun — Kampong Bang Tajok (Pagi) dan Balai Raya Bukit Sawat untuk menyuntik orang2 dari kampong berikut pada sa-belah petang: Kampong2 Bukit Sawat, Nong Dungan, Kandol, Ubok-Ubok, Laid Lakang dan Pak Babau.

8hb Jun — Rumah Ketua Buah bin Sambang di-Kampong Merangking Hilir untuk menyuntik orang2 di-kampong tersebut.

9hb Jun — Bangunan Sekolah Melayu Merangking untuk menyuntik orang2 dari Sekolah Melayu Merangking, Kampong Merangking Ulu dan Kampong Singap.

10hb Jun — Kampong Bang Pukul.

11hb Jun — Sekolah Melayu OKP Berandai Bukit Sawat dan Rumah O.K.I.P. Sahari untuk menyuntik orang2 di-kampong Sungai Ubar.

PASOKAN 'B'

15hb Jun — Balai Raya Labi untuk menyuntik penduduk2 di-Kampong Labi ia-itu mulai jam 1.00 petang.

16hb Jun — Bangunan Sekolah Melayu Rempayoh untuk menyuntik kanak2 sekolah serta penduduk Kampong Rempayoh.

17hb Jun — Rumah Panjang Mendaram Besar untuk menyuntik orang2 dari Kampong Bendaram Besar dan Kampong Mendaram Kecil.

18hb Jun — Barik J.K.R. Bukit Puan untuk menyuntik orang2 di-Kampong Bukit Puan.

21hb Jun — Balai Raya Sungai Liang untuk menyuntik penduduk Kampong Sungai Liang.

22hb Jun — Balai Raya Lumut untuk menyuntik penduduk Kampong Lumut.

23hb Jun — Balai Raya Kampong Sungai Teraban untuk menyuntik penduduk Kampong Sungai Teraban.

24hb Jun — Balai Raya Kampong Kuala Balai untuk menyuntik penduduk Kampong Kuala Balai.

Masa bekerja di-tiap2 pusat adalah dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 1.30 petang hingga 4.00 petang. Bagaimana pun masa2 bekerja mungkin akan berubah mengikut keadaan.

Kerjasama Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Tuai2 Rumah adalah sangat2 di-perlukan untuk melicinkan gerakan itu.

MASHARAKAT TIONG HUA SAMBUT HARI KEPUTERAAN DYMM SA-CHARA BESAR2AN

BANDAR SERI BEGAWAN. —Masyarakat keturunan China di-Daerah Brunei dan Muara akan menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertua genap ke-30 tahun pada 15hb Julai ini dengan chara yang lebeh meriah lagi.

Sa-buah jawatankuasa telah pun di-bentuk dengan dipengerusikan oleh Pehin Kapitan China Kurnia Diraja, Awang Lim Teck Hoo.

Dalam satu mashuarat-nya baru2 ini, jawatankuasa itu telah mengambil keputusan untuk mengadakan beberapa acara sambutan dengan lebeh meriah lagi.

Sa-buah pintu gerbang persembahan masharakat China ada-lah antara beberapa buah pintu gerbang yang akan di-dirikan di-Bandar Seri Begawan.

Jawatankuasa itu juga memutuskan untuk sama2 menyembahkan ucapan kesyukuran kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Istiadat Mengadap Di-Lapau pada 15hb Julai ini.

Sa-buah pertunjukan pentas Opera China (Hokkien) akan di-adakan sa-lama dua malam berturut2 di-Tok Pi Kong Jalan Kianggeh.

Tarian tradisi masharakat China—Tarian Singa—akan juga mengambil bahagian dalam pertunjukan2 yang di-anjorkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M.

Masharakat China juga akan turut sama mengambil bahagian dalam perarakan2 kereta berhias dan tanglong berjalan kaki pada siang dan malam sa-lain dari persembahan2 pentas di-Padang Besar dan di-Pekarangan Istana Darul Hana.

Semua kedai2 yang di-punyai oleh masharakat China di-sekitar Bandar Seri Begawan akan di-arahkan oleh jawatankuasa itu supaya membuat perhiasan2 dan juga lampu2 chuchul sa-beberapa meriah yang dapat bagi memperingati genap-nya usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-30 tahun itu.

atau bas, elok mengambil inisiatif bagi faedah2 pengetahuan umum, khas-nya pelancong2 berhubung dengan sewa dan tambang2 tersebut.

Dengan chara ini ada-lah juga menunjukkan bahawa pehak2 teksi dan bas turut sama melibatkan diri sa-chara langsung dalam perkara2 yang amat berfaedah demi menchemerlangkan lagi nama baik negara dan bangsa kita yang amanah lagi jujur itu.

Tambang Teksi—"Anu ani ba banar ba salah"

Dari muka 5

"Tekis Haram, ia-lah kereta biasa yang di-punyai oleh orang ramai tanpa mempunyai Lisen Teksi, yang berkelahiran mengangkat orang ramai dari satu tempat ka-satu tempat lain dengan tambang-nya yang jauh lebeh murah", kata-nya.

"Hal Teksi Haram ini, telah di-berikan perhatian dan tindakan oleh pehak Pulis dan ada juga yang pernah di-hadapkan ka-mahkamah. Teksi Haram, tidak boleh di-bapaskan tanpa ada-nya kerjasama dari orang ramai," ujar-nya.

SENARAI HARGA TAMBANG

Kemudian kita beroleh pulak kepada Tambang Teksi

di-negeri kita ini. Sejauh yang kita ketahui bahawa pehak Lembaga Penguasa Melisen Kereta Sewa Brunei, pernah memberikan satu senarai harga tambang2 Teksi dan Bas untuk pengetahuan orang ramai.

Sa-takat ini tidak-lah dapat di-kesan sa-jauh mana tambang2 Teksi dapat di-praktikkan oleh Pemandu Teksi atau Bas dan kita tidak pernah mendengar reaksi dari orang ramai di-negeri kita ini.

Bagaimana pun, tidak berapa lama dahulu di-dalam surat khabar The Borneo Bulletin, pernah sa-orang pelancong menegor Tambang Teksi, yang menurut-nya Pemandu Teksi itu mengenakan Tambang Teksi sesuka

hati. Peristiwa tersebut berlaku sa-waktu pelancong itu di-hantar oleh sa-buah Teksi dari Lapangan Terbang Antara bangsa ka-Hotel Ang, Bandar Seri Begawan.

Oleh sebab pelancong tersebut menegor sa-chara umum, tanpa menyatakan nombor Teksi yang di-maksudkan itu sama ada benar atau tidak tuduhan itu, agak susah juga bagi pehak berkuasa Lembaga mengesan-nya. Bagaimana pun kita yakin pehak berkuasa Lembaga berkenaan pasti mengambil perhatian.

Ada-lah semakin meragukan kepada kita apabila peristiwa tersebut dalam keadaan seperti kata orang tua2 Brunei "Anu ani, ba banar ba salah" yang mana kedudukan sa-umpama itu susah hendak menchari bokit-nya.

Peristiwa tersebut walapun kita sifatkan perkara remeh dan kechil, sama ada ia-nya

benar atau tidak, ada-lah masaalah imej negeri kita Brunei. Kita tidak mahu akan di-berikan gambaran yang salah oleh pelancong di-luar negeri terhadap kedudukan yang sa-benar-nya di-negeri kita ini.

* Di-negeri yang telah, sedang dan akan membangun atau maju, pelancongan ada-lah di-galakkan dan kita di-negeri Brunei ada Bahagian Pelancongan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan. Kita perchaya pada masa akan datang lebeh ramai lagi para pelancong akan berkhujong ka-negeri kita. Dan di-beberapa buah negara di-dunia ini umpama-nya Singapura, England, Jepun dan lain2, hasil negara ada-lah berjumlah sa-bahagian besar di-dapati dari hasil dan sumber pelancongan.

Takaduhong sudah di-senaraikan harga2 sewa, maka pehak pemandu2 teksi

RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

BAHAGIAN MELAYU

RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Rancangan; 6.05—Bachan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Sabda Junjongan; 7.10—Hiboran Sambil Sarapan; 7.30—Bunga Rampai Rumah tangga; 8.00—Dendang Antarabangsa; 9.00—Sains dan Industri (Perusahaan) (SU); 9.30—Dendang Muda Mudi; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Selingan Irama; 10.30—Permintaan Hari Rabu; 11.00—Penglipor Lara; 11.15—Lagu Untok Mu (SU); 11.45—Lima Belas Minit dengan Lagu Hindustan. TENGAH HARI: 12.00—Untok Kaum Tani (SU); 12.30—Komintang Minggu Ini (SU); 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Pelajar Di-Bumi Bertuah (SU); 1.30—Hiboran Rampaian Tengah Hari; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Tanda Siaran dan Susunan Rancangan; 5.02—Hiboran Petang; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Tafsir Al-Quran; 6.15—Irama Senja; 6.30—Suara Azan untuk Magrib/Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Permintaan Parajurit; 7.30—Warkah dari Pendengar; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Berita2 dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Belia Zaman Ini; 9.00—Asli-rama; 9.30—Senandung Malam; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita—Sabda Junjongan; 10.10—Tidor-lah Awda; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Rancangan; 6.05—Bachan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Sabda Junjongan; 7.10—Pilehan Sambil Sarapan; 7.30—Penglipor Lara; 7.45—Persembahan Anika Instrumental; 8.00—Dendang Antarabangsa; 9.00—Chitra-irama; 9.30—Alunan Semudera; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Dendang Ria; 10.30—Rampaian London; 11.00—Berdendang Dengan-Ku; 11.30—Kisah dan Tauladan. TENGAH HARI: 12.30—Rampaian Pop; 12.15—Belia Zaman Ini (SU); 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Kugemalanika (SU); 1.30—Menjelang Rehat; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Tanda Siaran dan Susunan Rancangan; 5.02—Irama Gambus (Hiboran); 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00—Rampaian Senja; 6.30—Suara Azan untuk Magrib/ Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Taman Asohan Islam/Untok Kanak2; 7.30—Kemuskilan Agama/Dari Rakaman Kami; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Berita dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwara Radio (SU); 9.00—Warkah dari Pendengar (SU); 9.30—Ku Sembahkan Lagu; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkas Berita Sabda Junjongan; 10.10—Senandung Malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

JUMAAT

